

Institut Teknologi Singapura mula bina kampus kelima di Politeknik Republic

Oleh **NUR DHUHA ES00F**
nurdhuha@sph.com.sg

INSTITUT Teknologi Singapura (SIT) mengadakan majlis pecah tanah bagi memulakan pembinaan kampus kelimanya di Politeknik Republic (RP) kelmarin, yang dijangka siap tahun depan.

Kampus sembilan tingkat itu merupakan yang terakhir didirikan di politeknik dan menandakan berakhir sudah fasa pertama pembangunan SIT yang merupakan universiti kelima di Singapura.

Terletak di sebelah padang sukan RP, bangunan yang dikenali sebagai SIT@RP itu boleh menampung sekitar 660 pelajar.


Minggu lalu, SIT memulakan pembinaan kampus keempatnya di NYP yang juga dijangka siap tahun depan.

Dalam ucapannya kelmarin, bakal presiden SIT, Profesor Tan Thiam Soon, berkata SIT kini menawarkan program ijazah di kelima-lima politeknik di Singapura dan bakal menerima 4,000 pelajar setelah siap kelak.

Namun beliau berkata jumlah pelajar SIT akan meningkat lebih daripada jumlah yang dianggarkan pada awalnya memandangkan ia akan dijadikan universiti berautonomi kelima di Singapura.

“Oleh itu, kami akan meneroka pelbagai pilihan untuk menampung jumlah pelajar, fakulti dan kakitangan yang meningkat.

“Kami ingin memulakan proses rancangan ini seawal mungkin kerana kami mahu memastikan semua pelajar SIT dapat menikmati kampus yang bertenaga sebagai sebahagian daripada pendidikan holistik yang kami mahukan untuk mere-



MULA DIBINA: Kerja-kerja pembinaan bagi kampus kelima Institut Teknologi Singapura (SIT) di Politeknik Republic (RP) bermula kelmarin dan dijangka siap tahun depan. – Foto SIT

ka,” kata Profesor Tan.

Beliau juga menambah bahawa SIT, yang kini menawarkan program ijazah kepada lulusan politeknik yang mempunyai diploma dalam bidang-bidang berkaitan, sedang mempertimbangkan bagaimana pihaknya dapat membantu memenuhi aspirasi warga Singapura.

“Dalam tempoh tiga tahun lalu, kami menerima banyak permohonan daripada pelajar yang ingin mengikuti program ijazah universiti yang berbeza daripada diploma po-

liteknik mereka.

“Ini kerana pelajar-pelajar tersebut menyedari impian sebenar mereka hanya selepas pendidikan politeknik, perkhidmatan negara atau selepas mula bekerja.

“Rancangan untuk membantu golongan pelajar ini masih lagi berada di peringkat awal dan kami berharap dapat meneroka peluang ini dengan lebih mendalam dalam beberapa bulan akan datang bersama rakan-rakan kongsi yang berkaitan,” ujar Profesor Tan.